

RUKYAH DAN HISAB Matla' Syar'iyah Atau Matla' Assabiyyah?

Setelah hampir sebulan umat Islam di seluruh dunia berpuasa, menggapai segala fadhilat yang ada di bulan Ramadhan, bertungkus lumus sujud ke hadhrat Ilahi dan mencari satu malam yang mempunyai kelebihan 1000 bulan, sekarang kita sedang melangkah untuk meninggal bulan yang mulia ini. Tidak lama lagi Syawal akan menjelang. Umat Islam akan menyambut Eidul Fitri tanda kemenangan. Ramai yang sudah bercakap mengenainya, tidak kurang juga yang tak ambil peduli. Yang pasti, kita akan menyaksikan sekali lagi perpecahan umat Islam di dalam merayakan Hari Kemenangan ini. Sudah sekian lamanya dunia Islam menyambut 1 Syawal tidak secara serentak walaupun Allah menciptakan bumi ini dengan bulan yang satu. Seseengah dari kaum Muslimin pula langsung tidak mengambil kisah, hanya menurut apa sahaja yang 'ditetapkan' ke atas mereka tanpa ada perasaan untuk mengkaji dengan lebih mendalam tentang *Fiqh* dan kesatuan umat Islam di dalam menyambut Syawal, mahu pun Ramadhan.

Pembaca yang budiman, sesungguhnya perbezaan permulaan bulan antara dunia Islam adalah kerana adanya perbezaan pendapat tentang kaedah syara' untuk menetapkan awal Ramadhan dan Syawal, samada kaedah *rukyah* atau kaedah *hisab* (*Falak*). Faktor seterusnya adalah perbezaan dari segi memilih *matla'* (tempat terbit anak bulan), sama ada menerima pakai Kaedah Satu Dunia Satu Matla' atau Kaedah Matla' Tempatan. Melihat kepada dunia Islam hari ini yang tidak diperintah oleh seorang Khalifah, maka kita menyaksikan *matla' Assabiyyah* dan *Wataniyyah* digunapakai di dalam menentukan permulaan Syawal ini. Justeru, terjadilah perpecahan yang tak berkesudahan. Permasalahan ini sebenarnya ada penyelesaiannya jika kita berpegang kepada hukum syara' yang kuat berasaskan Al-Qur'an dan As-Sunnah, bukannya berpegang kepada kaedah yang ditetapkan berasaskan prinsip *assabiyyah* dan *wataniyyah*. Semoga perbincangan di dalam Sautun Nahdhah kali ini akan bermanfaat kepada mereka yang rindukan perpaduan umat Islam seluruh dunia di bawah naungan syariat Islam berdasarkan Sistem Khilafah.

Rukyah atau Hisab (Astronomi)?

Persoalan paling asas yang perlu dipecahkan ialah, menentukan kaedah yang paling benar untuk menentukan *Takwim* Islam, adakah kita menerima pakai kaedah *Rukyatul Hilal* atau Kaedah *hisab* (astronomi). Bila kita meneliti hujah tentang *rukyah* dan *hisab*, kita akan berkesimpulan bahawa *rukyah* adalah satu-satu *tariqah* (jalan) untuk permulaan *Takwim* Islam. Perkara ini dapat dibuktikan sebagai berikut:

Hujah Pertama : pengamal kaedah *hisab* menyandarkan hujah mereka dengan keumuman ayat-ayat Al-Qur'an. Antaranya, firman Allah, "*Dialah yang menjadikan matahari bersinar, dan bulan bercahaya, dan ditetapkan manzilah-manzilah bagi perjalanan bulan itu, supaya kamu mengetahui bilangan tahun dan perhitungan waktu.*" [TMQ Yunus (10):5]. Pengamal kaedah *hisab* menyatakan bahawa puasa Ramadhan boleh ditetapkan dengan memperhatikan perjalanan bulan berdasarkan *mafhum* ayat ini. Mereka menyatakan bahawa diciptakan matahari dan bulan agar kita mengetahui bilangan tahun dan bulan. Atas dasar ini, kita juga boleh menentukan bila masuknya bulan Ramadhan dengan cara perkiraan (*hisab*). Sebenarnya ayat ini dan ayat-ayat yang hampir sama maknanya, tidak sama sekali menunjukkan perintah untuk memulai puasa Ramadhan dengan *hisab*. Ayat ini hanya berhubungan dengan kegunaan diciptakan matahari, bulan dan manzilah-manzilahnya (kedudukan), yakni untuk mengetahui bilangan tahun dan waktu.

Pendapat dari Hujah Pertama ini lemah dari dua sisi, (i) **Dari segi *Takhsis* (nas khusus) :** Ayat ini umum dan berlaku kaedah usul, *al-'am yabqa fi 'umumihi ma lam yarid dalil at-takhsis* (suatu dalil yang bersifat umum tetap pada kemumumannya, selama tidak ada dalil yang mengkhususkannya). [Dr. Muhammad Husain Abdullah, *al-Wadhih fi Ushul al-Fiqh*, hal. 318]. Dalam kes penentuan awal Ramadhan, ada nas jelas yang menyatakan bahawa penentuan awal dan akhir Ramadhan harus berdasarkan *rukyah* bukan dengan *hisab*. Riwayat ini merupakan *pentakhshis* (mengkhususkan) keumuman ayat-ayat di atas. Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa Sallam bersabda:

"Berpuasalah kalian apabila melihat hilal (anak bulan), dan berbukalah (berEidul Fitri) kalian apabila melihat hilal. Dan jika hilal itu tertutup dari (penglihatan) kalian, maka sempurnakanlah (genapkanlah) bilangan bulan Sya'ban itu 30 hari." [HR Bukhari dari Abu Hurairah].

Banyak lagi hadis lain yang melarang umat Islam untuk memulakan puasa atau Hari Raya, kecuali setelah melihat anak bulan, namun jika tidak kelihatan maka digenapkan bulan menjadi 30 hari. Atas dasar inilah penggunaan hujah dari lafaz umum ditolak dan hujah dari Hadis yang bersifat khusus iaitu teknik *rukyah* diterima berasaskan kaedah "*wajib membawa umum menuju khusus bila ditemukan dalil yang lebih khusus*"

(ii) **Dari Segi Nas Yang Sorih (jelas):** Pengamal *hisab* menetapkan kesahihan *hisab* berasaskan kepada *mafhum* surah Yunus (10):5. Padahal ada nas *sorih* yang menjelaskan tentang *rukayah*. Dalam keadaan seperti ini -*mafhum* bertemu dengan nas *sorih*-, menurut ulama usul, *mafhum* harus dikalahkan bila ada nas *sorih* yang menentangnya. Oleh itu, *mafhum* bolehnya *hisab* yang diambil dari surah Yunus (10):5 harus ditinggalkan dan harus mengikuti nas/hadis *sorih* riwayat Bukhari dan Muslim di atas.

Hujah Kedua : pengamal *hisab* juga menyandarkan pendapatnya pada hadis, “*Sesungguhnya kami ini adalah umat yang ummi, tidak kami menulis dan tidak kami menghisab.*” [HR Bukhari]. Berdasarkan hadis ini mereka menyatakan bahawa ‘*illat* (sebab *tasyri*)’ dilakukan *rukayah* adalah kerana pada waktu itu kaum Muslimin tidak mengetahui Ilmu *hisab* (astronomi). Jika mereka telah mengetahui *hisab* tentunya *hisab* diperbolehkan untuk menggantikan *rukayah*. Pendapat inipun sebenarnya sangat lemah. Ini adalah kerana Hadis ini adalah hadis berbentuk *akhbariyyah* (pemberitahuan). Hadis ini menerangkan keadaan generasi pada masa itu yang ummi, bukannya ‘ummi’ yang boleh dijadikan *illat syariat* untuk menerima *hisab* (astronomi). Tambahan pula *hisab* yang digali dari hadis ini didasarkan pada ‘*mafhum*’ hadis. Padahal *mafhum* bila bertentangan dengan nas yang *sorih*, maka *mafhum* harus dikalahkan. *Mafhum* kebolehan *hisab* tentu akan bertentangan dengan makna *sorih* yang ditunjukkan oleh hadis-hadis yang berbicara tentang *rukayah*.

Hujah Ketiga : Pengamal kaedah *hisab* juga menyandarkan pendapat mereka dengan hadis riwayat Imam Muslim, “*Sesungguhnya bulan itu ada 29 hari, maka janganlah kalian berpuasa hingga melihatnya. Apabila mendung menutupi kalian, maka perkirakanlah.*”. Mereka menyatakan bahawa ‘*perkiraan*lah’ di sini ertinya hitunglah (*hisab*), yakni bolehnya menetapkan awal Ramadhan dengan *hisab*. Pendapat ini pun juga lemah. Jika kita perhatikan nas-nas hadis lain, dapat disimpulkan bahawa ‘*faqdurûlahu*’ (maka perkirakanlah) bukan bererti merujuk pada perhitungan astronomi (*hisab*), melainkan artinya adalah ‘*sempurnakanlah* (genapkan) bilangan bulannya’. Sebagaimana riwayat menyebutkan, “*Berpuasalah kalian kerana melihatnya (hilal) dan berbukalah kalian kerana melihatnya (hilal). Apabila pandangan kalian tersamar (terhalang), maka sempurnakanlah hitungan bulan Sya’ban menjadi 30 hari.*” [HR. Bukhari 4/106 dan Muslim 1081, dari Abu Hurairah ra]. Banyak lagi hadis lain yang senada, umpamanya riwayat Muslim, “*Berpuasalah kerana melihat hilal, dan berbuka (berhari raya)lah kerana melihat hilal, jika mendung, maka perkirakanlah (faqdurulahu) (bulan Sya’ban) 30 hari*” menjelaskan makna yang sebenar tentang ‘*perkiraan*lah’ yakni ‘*sempurnakanlah/genapkanlah 30 hari*’, bukannya mengikut perhitungan astronomi (*hisab*).

Hujah Keempat : pengamal kaedah *hisab* cuba menyelewengkan makna ‘*lirukyatihi*’ (melihatnya). Mereka menjelaskan kita tidak boleh secara melulu memberi maknanya ‘*melihat dengan mata kasar*’. Namun kata *ra’a* (melihat), dapat diertikan berfikir. Oleh kerana

itu, mereka menyatakan bahawa riwayat-riwayat yang mencantumkan lafaz *ra’a*, boleh diertikan dengan memikirkan, atau diertikan bolehnya menetapkan awal Ramadhan dengan *hisab*. Pendapat ini juga lemah. Bila kita perhatikan keseluruhan nas hadis sangat jelas, bahawa *rukayah* di sana memang bererti ‘*melihat dengan mata kasar*’, bukan *hisab*. Ini jelas dari kata-kata Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wa sallam “*jika terhalang awan/mendung, maka sempurnakanlah hitungan menjadi 30 hari*”. Lafaz ini dengan jelas menunjukkan bahawa *rukayah* di dalam nas tersebut bererti melihat dengan mata kasar, bukan *hisab*. Sebab bila lafaz *ra’a* diertikan dengan *hisab*, maka apakah mendung (awan) boleh mengganggu perhitungan? [Imam an-Nawawi, Syarah Shahih Muslim, jld. 71, hal. 192.]. Dan di dalam kitabnya, Imam Ibnu Hajar menjelaskan bahawa *hisab* tidak dilakukan di zaman Nabi, dan mereka menggunakan *rukayah*, bagaimana mungkin *lirukyatihi* diterjemah kepada berfikir? [Fath al-Baari Bisyarhi Shahih al-Bukhari, jld. 5, hal. 126-127].

Wahai kaum Muslimin! Hadis-hadis Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wa sallam tentang permulaan bulan ini mengandungi pengertian (*dalalah*) yang jelas (*sorih*) bahawa sebab *syar’i* untuk kita mula berpuasa dan berhari Raya (Eidul Fitri) adalah dengan melihat anak bulan (*rukayatul hilal*) dan tidak ada kaedah lain lagi. Perhitungan astronomi (*hisab*) tidak bernilai apa-apa, jika tidak dibuktikan dengan *rukayah* dengan penglihatan mata. Sebab perhitungan astronomi tidak memiliki nilai *syar’i* dalam penetapan puasa (awal Ramadhan) mahupun berbuka (akhir Ramadhan). Kerana sebab *syar’i* untuk menetapkan 1 Ramadhan dan 1 Syawal hanyalah berdasarkan *rukayatul hilal* dengan penglihatan mata, bersesuaian dengan hadis-hadis Rasulullah Sallallahu ‘alaihi wa sallam

Jika seorang Muslim telah melihat *hilal* untuk bulan Ramadhan mahupun Syawal, maka wajib atas seluruh kaum Muslimin untuk berpuasa ataupun berbuka (ber-Eidul Fitri). Tidak ada bezanya antara satu negara dengan negara lainnya, atau antara seorang Muslim dengan Muslim lainnya. Sebab *rukayatul hilal* oleh siapa saja dari kaum Muslimin, merupakan hujjah bagi orang yang tidak melihat *hilal*. Kesaksian seorang Muslim di sebuah negara tidak lebih utama dibandingkan dengan kesaksian seorang Muslim di negara lain. Tidak perlulah berhujjah berdasarkan perasaan *assabiyyah* dan *wataniyyah* yang telah direkayasa oleh kaum kuffar ke atas kaum Muslimin, yang telah membuatkan kaum Muslimin di Syria memulai puasa, sementara orang-orang di Jordan belum, di Indonesia telah berhari raya manakala di Malaysia belum. Padahal di antara negara-negara tersebut hanya terdapat batas-batas sempadan palsu yang telah digariskan oleh kaum kafir penjajah, yang masih wujud dan terus dipertahankan oleh para penguasa Muslim.

Satu Dunia - Satu Matla’ atau Berbeza Matla’?

Persoalan berikutnya adalah tentang *matla’* (tempat terbitnya bulan). Mengenai *ikhtilaaful mataali’* (perbezaan *matla’*) -yang digunakan sebahagian orang sebagai alasan (untuk berbeza dalam berpuasa dan ber-Eidul Fitri), ia merupakan *manath* (fakta untuk penerapan hukum) yang telah dikaji oleh para ulama terdahulu, yang

tentunya sesuai dengan perkembangan yang ada pada waktu itu. Faktanya, kaum Muslimin saat itu memang tidak dapat menyebarkan berita *rukyyatul hilal* ke seluruh penjuru wilayah Islam yang amat luas dalam satu hari, kerana sarana komunikasi yang terbatas. Imam Abu Hanifah, Malik dan Ahmad tidak menerima hujah perbezaan *matla'* kerana penetapan puasa dan hari raya *rukyyatul hilal* dikira berdasarkan sampainya berita tentang *rukyyatul hilal*, tanpa diperhatikan *matla'*nya. 'Ulama Syafi'iyah menyatakan bahawa bila satu kawasan melihat bulan, maka daerah dengan lingkungan 24 *farsakh* (sekitar 120 km) dari pusat *rukyyah* boleh mengikuti hasil *rukyyah* daerah tersebut. Sedangkan daerah di luar radius itu boleh melakukan *rukyyah* sendiri, dan tidak harus mengikuti hasil *rukyyah* daerah tadi [Syekh Abdurahman al-Jaziri, al-Fiqh 'Ala al-Madzhab al-Arba'ah, jld. 1, hal. 550]. Mereka menyandarkan hujah berdasarkan riwayat dari Kuraib.

Diriwayatkan dari Kuraib bahawa Ummul Fadl telah mengutusnyanya untuk menemui Muawiyah di Syam. Kuraib berkata, "Aku memasuki Syam lalu menyelesaikan urusan Ummul Fadl. Ternyata bulan Ramadhan tiba sedangkan aku masih berada di Syam. Aku melihat hilal (bulan sabit) pada malam Jumaat. Setelah itu aku memasuki kota Madinah pada akhir bulan Ramadhan. Ibnu Abbas lalu bertanya kepadaku dan menyebut persoalan hilal. Dia bertanya, 'Bila kamu melihat hilal?' Aku menjawab, 'Kami melihatnya pada malam Juma'at.' Dia bertanya lagi, 'Apakah kamu sendiri melihatnya?' Aku jawab lagi, 'Ya, dan orang-orang juga melihatnya. Lalu mereka berpuasa, begitu pula Muawiyah.' Dia berkata lagi, 'Tapi kami (di Madinah) melihatnya pada malam Sabtu. Maka kami terus berpuasa hingga kami menyempurnakan bilangan tiga puluh hari atau hingga kami melihatnya.' Aku lalu bertanya, 'Tidak cukupkah kita berpedoman pada rukyah dan puasa Muawiyah?' Dia menjawab, 'Tidak, (sebab) demikianlah Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam telah memerintahkan kepada kami.'" [HR Muslim, at-Tirmidzi dan Abu Dawud]

Hadis ini mereka gunakan sebagai sandaran kesahihan *matla'*. Padahal bila kita meneliti lebih lanjut pendapat para pengamal *matla'*, kita akan dapati sesungguhnya pendapat mereka adalah lemah. Ini didasarkan kepada beberapa sebab:

Pertama : sebenarnya dalil yang mereka gunakan adalah ijihad Ibnu 'Abbas, bukannya hadis yang diriwayatkan secara marfu' (sanadnya bersambung kepada Nabi). Walaupun hadis ini secara *lafziyyah* seakan-akan menunjukkan *marfu'*, yakni perkataan Ibnu 'Abbas, "Tidak, (sebab) demikianlah Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa Sallam telah memerintahkan kepada kami", namun bila kita bandingkan riwayat-riwayat lain yang juga diriwayatkan oleh Ibnu 'Abbas sendiri, maka terlihatlah bahawa perkataan Ibnu 'Abbas itu adalah hasil ijihad beliau sendiri. Ibnu 'Abbas sendiri banyak meriwayatkan hadis *marfu'* yang bertentangan dengan hadis riwayat dari Kuraib di atas. Seperti riwayat dari Ibnu 'Abbas dari Nabi Sallallahu 'alaihi wa sallam, "Berpuasalah kalian kerana melihatnya (hilal) dan berbukalah kalian

kerana melihatnya (hilal). Apabila pandangan kalian tersamar (terhalang), maka sempurnakanlah hitungan bulan Sya'ban menjadi 30 hari." [HR Bukhari dan Muslim dari Abu Hurairah ra]. Atas dasar ini, jelas bahawa hadis dari Kuraib adalah ijihad peribadi Ibnu 'Abbas pada waktu itu. Ijihad sahabat tidak layak digunakan sebagai dalil untuk menetapkan hukum. [Imam asy-Syaukani, Nailul Authar, jilid 3 hal. 254-255], kerana hukum wajib diambil dari dalil Al-Qur'an dan As-Sunnah. Bila ada pertentangan di antara hadis Nabi dan ijihad sahabat, maka sudah semestinyalah kita wajib mengambil hadis Nabi. Walaubagaimanapun, sahabat tetap mendapat satu ganjaran di atas ijihadnya.

Kedua : hadis tentang perintah rukyah bersifat umum, dan khithab (seruannya) berlaku bagi seluruh kaum Muslimin. Kata *shûmû lirukyyatihi* adalah lafaz umum. Artinya, bila satu daerah telah melihat bulan, maka wilayah yang lain harus berpuasa kerana hasil *rukyyah* daerah tersebut. Imam asy-Syaukani menyatakan, "Sabda Nabi ini tidaklah dikhususkan untuk penduduk satu daerah tertentu tanpa menyertakan daerah yang lain. Bahkan sabda beliau ini merupakan khithab (seruan) yang tertuju kepada siapa sahaja di antara kaum Muslimin yang khithab itu telah sampai kepadanya. Apabila penduduk suatu negeri telah melihat hilal, maka (dianggap) seluruh kaum Muslimin telah melihatnya. Rukyah penduduk negeri itu berlaku pula bagi kaum Muslimin lainnya."

Imam asy-Syaukani menyimpulkan, "Pendapat yang layak dijadikan pegangan adalah, apabila penduduk suatu negeri telah melihat hilal, maka rukyah ini berlaku pula untuk seluruh negeri-negeri yang lain." [Lihat pula pendapat Imam Ibnu Hajar al-Asqalani dalam kitabnya *Fâth al-Bârî; bab Shiyâm*]. Oleh kerana itu bila sahaja penduduk suatu negeri melihat hilal, maka wajib atas seluruh negeri berpuasa kerana sabda Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa Sallam "Berpuasalah kalian kerana melihat hilal dan berbukalah kerana melihatnya." Ucapan ini umum mencakup seluruh umat manusia. Jadi siapa saja dari mereka melihat hilal di manapun tempatnya, maka *rukyyah* itu berlaku bagi mereka semuanya [Sayyid Sabbiq, Fiqh as-Sunnah, jld. 1, hal. 368]. Syaikh 'Abdul 'Aziz bin Baz menjelaskan masalah ini ketika ditanya apakah manusia harus berpuasa jika *matla'*nya berbeza? Beliau menjawab, "yang benar adalah bersandar pada rukyah dan tidak menganggap adanya perbezaan *matla'* kerana Nabi Sallallahu 'alaihi wa sallam memerintahkan untuk bersandar dengan rukyah dan tidak merinci pada masalah itu. Nabi tidak mengisyaratkan kepada perbezaan *matla'* padahal beliau mengetahui hal itu." [Tuhfatul Ikhwan, hal. 163].

Ketiga : penolakan Ibnu 'Abbas ra terhadap rukyahnya Mu'awiyah boleh difahami, bahawa arus maklumat *rukyyah* saat itu memang tidak cepat tersiar ke negeri-negeri kaum Muslimin yang lain. Ini boleh difahami kerana, alat-alat pengangkutan (kenderaan) dan telekomunikasi pada saat itu sangat terbatas dan lambat. Akibatnya, maklumat *rukyyah* di satu daerah kadang-kadang baru sampai sehari atau lebih. Melihat keadaan ini, Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa sallam dan para sahabat membiarkan

daerah-daerah yang jauh untuk tidak terikat dengan hasil *rukyah* penduduk Madinah mahupun Mekah, mahupun negeri-negeri yang lain, kerana halangan-halangan jarak. Imam asy-Sya'rani menuturkan, "*Para sahabat ra tidak memerintahkan suatu negeri untuk mengikuti hasil rukyah penduduk Madinah, Syam, Mesir, Maghribi, dan sebagainya.*" [Imam asy-Sya'rani, *Kasyf al-Ghummah 'An Jami' al-Ummah*, jld. 1, hal. 250.]

Pada saat ini, sarana komunikasi yang ada di seluruh dunia sudah terlalu canggih untuk menyebarkan berita *rukyatul hilal* ke seluruh penjuru dunia hanya dalam beberapa saat sahaja. Oleh kerana itu, kaum Muslimin wajib mula berpuasa ataupun ber-Eidul Fitri pada saat mendengar berita penetapan *rukyatul hilal* dari daerah mana pun di muka bumi ini. Tidak ada bezanya samada *rukyah* ini ditetapkan melalui penglihatan langsung, ataupun melalui berbagai alat optik yang dapat memperbesar dan mendekatkan objek (seperti teleskop). Yang penting adalah *hilal* telah disaksikan oleh kaum Muslimin, tidak kira dari *matla'* mana sekalipun.

Keempat : perbezaan *matla'* jika ditinjau secara 'aqli pun adalah sangat janggal. Daerah yang terletak dalam satu garis bujur seharusnya boleh memulakan puasa atau hari raya pada hari yang sama. Ini adalah kerana, daerah yang terletak dalam satu garis, sejauh manapun jaraknya tidak akan berbeza atau berselisih waktu. Namun, faktanya dengan adanya negara-negara bangsa, daerah-daerah yang terletak satu garis bujur mula berpuasa atau berhari raya tidak serentak, padahal secara astronomi seharusnya mereka akan bermula secara bersamaan. Sebagai contoh, Kota Damsyik berada di garis longitud 36° 18' T, dan Masjid Nabawi di Madinah berada pada 39° 36' T yang mana secara geografi, waktu Masjid Nabawi lebih cepat selama 3° 18' (50 minit sahaja) dari Kota Damsyik. Hakikatnya, bagi daerah-daerah di dunia yang berbeza dari segi garis longitudnya, selisih waktu terjauh tidak sampai sehari. Maksudnya, negara-negara tersebut tidak mungkin mengalami selisih waktu lebih dari sehari. Jadi bagaimana mungkin mereka menyambut 1 Ramadhan atau 1 Syawal pada hari yang berbeza? Dengan kata lain, adanya *matla'* memungkinkan suatu daerah berbeza dengan daerah lain, bagaimanapun, secara astronomi mustahil terjadi perselisihan dan perbezaan pendapat dalam menentukan 1 Ramadhan atau Syawal. Kenyataan seperti ini membuktikan bahawa kaedah *matla'* ini tidak layak dipakai.

Tambahan lagi, jika benar-benar diambil kaedah *matla'* dan 24 farsakh (120 km) ini, maka jika di Johor nampak anak bulan, di Kedah tidak sepatutnya berpuasa, jika anak bulan nampak di Terengganu, maka Melaka tidak seharusnya berhari raya dan jika anak bulan nampak di Golok atau Tak Bai (selatan Thai) maka umat Islam di Rantau Panjang (Kelantan) dan sekitarnya sepatutnya berhari raya. Tetapi ternyata tidak demikian halnya. Kenapa? Kerana sempadan negara bangsalah (nation state) yang sebenarnya dijadikan ukuran, bukannya

matla', tetapi mereka beralih berpegang kepada pendapat Imam Syafie'! Walhal Imam Syafie' sendiri tidak pernah membeza-bezakan umat Islam berdasarkan sempadan negara. Jelas bahawa para pemerintah kaum Muslimin menetapkan 1 Ramadhan atau Syawal bukannya berasaskan sempadan *matla'* atau mengikut jejari lingkungan *matla'* mereka, namun mereka menentukan permulaan puasa dan hari raya hanya berasaskan sempadan Negara *Assabiyah* semata-mata. Inilah yang mendukacitakan kita, syara' hanya dijadikan dalih (bukan dalil) di dalam menetapkan tarikh puasa dan Eidul Fitri.

Dalam sejarah pernah dinukilkan bahawa para khalifah dari Kekhilafahan Utsmaniyyah telah mengadopsi pendapat madzhab Hanafi yang menyatakan, "*Perbezaan matla' tidak diakui. Penduduk Timur wajib terikat dengan hasil rukyah penduduk Barat, jika rukyah berhasil mereka tetapkan berdasarkan cara-cara yang telah ditentukan.*" [al-Darr al-Mukhtar wa Radd al-Muhtar, jld. 2, hal. 131-132]

Khatimah

Wahai kaum Muslimin! Tidak adanya kesatuan *rukyatul hilal* hanyalah salah satu dari sekian banyak masalah yang dihadapi oleh kaum Muslimin kerana lenyapnya negara Khilafah Islamiyyah, yang mengatur urusan kaum Muslimin dengan hukum Islam, serta menyatukan mereka di bawah panji *Laa ilaaha illa Allah Muhammad Rasulullah*. Kaum Muslimin wajib mengikatkan diri dengan hukum syara', baik dalam mengawali puasa Ramadhan mahupun Eidul Fitri, serta dalam segala aktiviti mereka, sekalipun penguasa mereka tidak menerapkan hukum syara'. Sebab tidak ada ketaatan kepada makhluk (manusia) dalam perkara maksiat kepada Al Khaliq. Oleh kerana itu, apabila berita *rukyatul hilal* untuk bulan Ramadhan telah sampai kepada kalian dari tempat mana pun juga di muka bumi, maka kalian wajib berpuasa. Begitu pula apabila berita *rukyatul hilal* untuk bulan Syawal telah sampai kepada kalian dari penjuru mana pun jua di muka bumi ini, maka kalian wajib ber-Eidul Fitri. Haram hukumnya berpuasa pada Hari Raya.

Sesungguhnya pemecahan mendasar terhadap seluruh masalah kaum Muslimin hari ini berada di tangan kaum Muslimin itu sendiri. Yaitu mereka wajib berusaha secara bersungguh-sungguh, mengikut jalan kenabian bersama para pengembang dakwah yang ikhlas untuk melanjutkan kembali kehidupan Islam, dengan jalan menegakkan kembali negara Khilafah Islamiyyah, membai'at seorang Khalifah yang akan mempersatukan kembali negeri-negeri mereka, dan menerapkan syariat Allah Subhanahu wa Ta'ala ke atas mereka. Hanya Khalifahlah yang akan mengangkat segala perselisihan umat Islam serta menyelesaikan ribuan masalah kaum Muslimin di dunia saat ini, sekaligus membawa rahmat bagi seluruh alam dengan jalan dakwah dan jihad. *Insya Allah.*